

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Dalam usaha negara menuju ke alaf baru, pelbagai cabaran dan perubahan dihadapi dalam dunia pekerjaan yang secara tidak langsung memberikan kesan kepada manusia. Cabaran kepada dunia pendidikan pada hari ini adalah untuk menyediakan tenaga pekerja dengan kebolehan memilih kerjaya yang menepati bakat, kebolehan dan minat mereka.

Menurut Amir Bin Awang (1971), sistem pendidikan di Malaysia amat terbatas kerana bukan sahaja pendidikannya terlalu memfokuskan kepada bidang akademik berbanding bidang teknik dan vokasional bahkan sistem buruh atau kerja yang wujud pada masa ini memberi peluang yang sedikit sekali kepada bakal-bakal pekerja untuk memilih menurut minat, sahsiah, bakat, kebolehan dan hidupnya. Oleh kerana dunia pekerjaan saling berhubungkait dengan kerjaya dan cara hidup seseorang individu, keputusan berkenaan pemilihan kerjaya perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh generasi muda pada hari ini.

Pemilihan kerjaya yang menepati kehendak, minat, bakat, kebolehan dan kelayakan seseorang bukanlah sesuatu yang mudah. Tidak dapat dinafikan bahawa jenis pekerjaan yang dipilih akan mempengaruhi konsep kendiri, nilai, kesejahteraan dan kepuasan hidup seseorang individu. Disebabkan pengurangan kuasa ibu bapa dalam proses pemilihan

kerjaya anak-anak dan kehidupan masyarakat yang berdemokrasi generasi muda pada masa kini mempunyai kebebasan dan tanggungjawab yang lebih untuk membuat keputusan berkenaan dengan pilihan jenis pekerjaan atau cara hidup masing-masing pada masa hadapan. (Colleta, 1973)

Walaubagaimana pun, beberapa persoalan seperti adakah golongan muda ini khususnya golongan remaja di sekolah menengah cukup bersedia untuk melalui peringkat hidup yang penting dan kompleks ini,adakah mereka mempunyai kesedaran kerjaya yang secukupnya untuk memilih kerjaya yang paling sesuai, sepadan dan bermanfaat kepada dirinya merupakan persoalan-persoalan penting yang perlu di ambil kira oleh golongan pendidik terutamanya oleh para kaunselor di sekolah?

Perkhidmatan bimbingan kerjaya merupakan sebahagian daripada perkhidmatan dalam program bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, dan tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk membantu para pelajar dalam membina kemahiran-kemahiran membuat keputusan disamping mengumpul, memilih dan menggunakan sebanyak maklumat bagi membolehkan mereka membuat pemilihan yang sebaik-baiknya.(Mansur Abdullah & Siti Nordinar 1989, ms. 27).

Pendek kata, kaunselor sekolah bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyalurkan maklumat tentang pekerjaan yang wujud kepada para pelajar malah tugas mereka yang utama adalah untuk memberikan kesedaran kerjaya kepada pelajar agar pelajar dapat memahami pekerjaan dan hubungannya dengan kehidupan manusia.

Sekiranya tahap kecerdasan kerjaya di kalangan pelajar dapat dipertingkatkan, ini bermakna pihak sekolah akan dapat melahirkan individu yang lebih peka terhadap dunia pekerjaannya atau dengan kata lain akan dapat menghasilkan tenaga kerja mahir yang berkualiti.

Golongan pelajar pada hari ini merupakan aset utama negara dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 iaitu untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju. Oleh itu, pihak sekolah harus memainkan peranan yang penting untuk memastikan agar golongan pelajar yang akan mencebur dunia pekerjaan pada suatu masa nanti dapat memberikan sumbangan yang tinggi kepada produktiviti negara disamping menjadi tenaga kerja mahir yang berkualiti.

1.1 Pernyataan Masalah

Seseorang individu yang berjaya dalam kerjaya yang dipilih akan mempunyai nilai hidup yang sempurna. Usia remaja merupakan usia ,di mana pelajar-pelajar harus membuat pemilihan kerjaya yang sesuai dengan bakat, kebolehan dan minat mereka. Ini akan menentukan kejayaan hidupnya kelak. Menurut Vaughan (1970) keputusan penting mengenai kerjaya yang dibuat oleh pelajar-pelajar pada usia remaja akan mempengaruhi keseluruhan hidupnya. Pandangan beliau penting kerana pemilihan kerjaya yang betul akan memastikan kejayaan secara keseluruhan seseorang individu sepanjang hayatnya.

Dalam konteks negara kita, pelajar tingkatan 3 dan 4 merupakan golongan pelajar yang sepatutnya mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi. Pada peringkat ini pelajar tingkatan 3 akan menghadapi Peperiksaan Menengah Rendah, di mana keputusan ini akan menentukan aliran Sains, Sastera atau Teknik yang akan mereka ikuti di tingkatan 4 nanti. Dalam membuat perancangan mengenai kerjaya masa depan, pelajar tersebut harus mempunyai kesedaran diri tentang kerjaya yang akan mereka ceburi dan kelayakan-kelayakan yang diperlukan untuk mengikuti kursus yang berkaitan dengan kerjaya yang dipilih.

Kesedaran mengenai pekerjaan yang terdapat di negara ini dan kelayakan yang diperlukan untuk mengikuti bidang atau kursus yang berkaitan harus ada pada diri pelajar. Dengan itu kesedaran tentang kerjaya yang ada pada diri pelajar-pelajar tersebut dapat menolong mereka untuk memilih kerjaya yang sesuai dengan bakat, kebolehan dan minat mereka. Ini penting lebih-lebih lagi ketika negara kini menuju ke arah Wawasan 2020 di mana Malaysia sedang berusaha menjadi suatu negara perindustrian yang maju. Keadaan ini akan mewujudkan pelbagai jenis kerjaya baru yang lebih mencabar. Oleh itu pelajar harus mempunyai kesedaran kerjaya supaya mereka dapat membuat perancangan mengenai kerjaya, merancang mengenai pendidikan yang sewajarnya supaya kerjaya yang mereka cita-citakan dapat dicapai.

Kajian-kajian yang dijalankan setakat ini mengenai tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar di negara ini mendapat tahap kesedaran kerjaya berada pada tahap yang rendah. Kajian Suradi (1998) ke atas 1835 orang pelajar Sekolah Menengah Tinggi dan

Sekolah Menengah Rendah mendapati hanya 18 orang pelajar sahaja yang dapat menyenaraikan lebih daripada 50 jenis pekerjaan, 80 % ataupun 1467 orang pelajar dapat menyenaraikan 11 hingga 20 jenis pekerjaan sahaja. Manakala seramai 35 orang pelajar dapat menyenaraikan 1 hingga 5 jenis pekerjaan. Sementara itu terdapat 1.9 % ataupun 19 orang pelajar yang tidak langsung mengetahui mengenai sebarang pekerjaan.

Hasil kajian beliau juga mendapati kebanyakkan pelajar memilih pekerjaan yang tertentu sahaja seperti guru, akauntan, jurutera dan peguam. Jenis pemilihan pekerjaan oleh pelajar-pelajar tidaklah banyak dan terhad kepada pekerjaan-pekerjaan tertentu sahaja.

Rahimah (1983) telah membuat kajian mengenai pengetahuan pelajar mengenai dunia pekerjaan dan pemilihan kerjaya. Hasil kajian beliau melibatkan 245 orang sampel menunjukkan bahawa kebanyakkan pelajar yang datang dari aliran Sains memilih kerjaya seperti guru, doktor dan jurutera manakala pelajar-pelajar dari aliran Sastera pula lebih memilih kerjaya seperti guru, akauntan dan pegawai polis. Hasil kajian beliau mendapati para pelajar kurang sedar mengenai kewujudan pelbagai kerjaya dalam aliran Sastera mahupun aliran Sains. Kesedaran kerjaya yang terhad ini menyebabkan pelajar memilih kerjaya yang mereka sering kenali atau dengar sahaja.

Goon (1975) juga telah membuat kajian mengenai kerjaya pilihan pelajar-pelajar perempuan tingkatan 5 di negeri Selangor. Hasil kajian beliau mendapati kebanyakan pelajar telah memilih kerjaya tertentu seperti guru, jururawat dan akauntan. Secara

ringkasnya kajian ini juga menunjukkan pengetahuan pelajar mengenai kerjaya sangat terhad.

Ooi (1988) telah menjalankan kajian kesedaran kerjaya pelajar-pelajar tingkatan 1 dan 2 di Kajang, Selangor. Kajian ini melibatkan sebanyak 180 orang pelajar. Hasil kajian mendapati pelajar yang berpencapaian akademik tinggi mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi berbanding pelajar yang berpencapaian akademik rendah mempunyai tahap kesedaran kerjaya rendah.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Suradi (1998), Rahimah (1983), Goon (1975) dan Ooi (1988) menunjukkan bahawa kesedaran kerjaya yang terdapat pada pelajar-pelajar di negara kita terhad. Pengetahuan mereka mengenai dunia pekerjaan juga terhad kepada beberapa jenis pekerjaan sahaja. Ini terbukti apabila pelajar-pelajar menyenaraikan jenis pekerjaan seperti yang ditunjukkan oleh kajian yang dijalankan. Menurut Suradi,

" Oleh kerana pengetahuan mereka terhad mereka memilih kerjaya itu bukan kerana mereka berpotensi tinggi kepada kerjaya itu tetapi semata-mata kerana 'glamour' pekerjaan itu "

(Suradi, 1998, ms 23)

Kesedaran kerjaya harus dikaji kerana tahap kesedaran kerjaya yang terdapat pada pelajar-pelajar ada berhubungkait dengan perancangan kerjaya mereka. Pelajar yang mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi akan dapat membuat pemilihan kerjaya yang lebih berkesan. Kajian mengenai kesedaran kerjaya harus dijalankan pada pelajar

tingkatan 3 dan 4 memandangkan lingkungan usia di antara 15 hingga 16 tahun merupakan tahap umur yang paling sesuai untuk diberikan bimbingan kerjaya.

Mengikut Model Pendidikan Kerjaya (Cross 1974) yang direka oleh " Department of Career Education of the Oregon Board of Education ", kesedaran kerjaya harus dipupuk dari peringkat sekolah rendah. Menurut model ini terdapat empat tahap penting dalam perkembangan kesedaran kerjaya seseorang pelajar iaitu tahap perkembangan kesedaran kerjaya, tahap penerokaan kerjaya, tahap persediaan bagi menceburι bidang kerjaya dan tahap pengkhususan dalam pekerjaan.

Berikut adalah penerangan ringkas mengenai tahap-tahap perkembangan tersebut:

Tahap I: Tahap Kesedaran Kerjaya (Tadika hingga Gred 6)

1. Memperkembangkan kesedaran berkenaan jenis-jenis dan kerjaya yang sedia ada.
2. Memperkembangkan kesedaran mengenai diri pelajar dan bagaimana berhubungkait dengan peranan / rol dalam kerjaya.
3. Memperkembangkan asas bagi keseluruhan sikap pelajar terhadap kerjaya dan masyarakat.
4. Memperkembangkan sikap hormat-menghormati dan menghargai golongan pekerja dalam semua bidang.
5. Membuat pilihan-pilihan tentatif mengenai kumpulan kerjaya dengan tujuan meneroka dengan lebih mendalam diperingkat pertengahan zaman persekolahan.

Tahap II : Penerokaan Kerjaya (Gred 7 hingga 10)

Program-program di pertengahan zaman persekolahan , iaitu daripada gred 7 hingga 10 mengkehendaki para pelajar:

1. Meneroka bidang-bidang kerjaya yang dianggap penting dan menilai minat serta kebolehan masing-masing.
2. Membiasakan diri dengan pengklasifikasi pekerjaan dan kumpulan pekerjaan.
3. Memperkembangkan kesedaran mengenai faktor-faktor berkait yang perlu diberi tumpuan dalam membuat keputusan.
4. Memperolehi pengalaman yang bermakna dalam proses membuat keputusan.
5. Memperkembangkan perancangan kerjaya yang tentatif dan dapat mencapai satu pilihan kerjaya yang tentatif.

Tahap III Persediaan Pekerjaan (Gred 11 hingga 12)

Pada peringkat ini pelajar-pelajar akan :

1. Memperolehi kemahiran pekerjaan dan pengetahuan untuk melayakkan diri bagi tahap kemasukan pekerjaan.
2. Mengaitkan kebanyakkan pengalaman-pengalaman di peringkat sekolah tinggi dalam bentuk matlamat kerjaya umum.
3. Memperkembangkan sikap-sikap yang sesuai terhadap pekerjaan.

4. Melibatkan diri dalam pengalaman pekerjaan yang menitikberatkan kerjasama dan mempunyai peluang untuk menjadi ahli organisasi pemuda vokasional.


Tahap IV : Pengkhususan Pekerjaan (Pelajar Sekolah Tinggi dan Dewasa)

Pada peringkat ini banyak program-program diadakan di mana para pelajar akan :

1. Dilibatkan dalam memperkembangkan pengetahuan spesifik mengenai bidang-bidang pekerjaan dan menyediakan diri dalam bidang kerjaya yang spesifik.
2. Mempunyai peluang untuk membentuk perhubungan majikan - pekerja yang bermakna.
3. Dibekalkan dengan latihan-latihan semula (retraining) yang diperlukan atau meningkatkan kemahiran-kemahiran yang dimiliki.

Maklumat di atas dapat diringkaskan seperti dalam rajah di bawah:

Rajah 1 : A Comprehensive Career Education System



Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa Tingkatan 3 dan 4 merupakan peringkat di mana pelajar harus mempunyai kesedaran mengenai kerjaya yang akan diceburi nanti. Oleh kerana pemilihan aliran di tingkatan 4 sangat penting untuk pemilihan kerjaya pada masa depan maka pelajar-pelajar harus mempunyai kesedaran mengenai perkara tersebut. Pelajar tingkatan 4 harus mempunyai kesedaran pemilihan subjek yang sesuai supaya cita-cita kerjaya mereka tercapai. Misalnya, seorang pelajar yang ingin menjadi seorang ahli geologi perlu mengetahui subjek-subjek yang berhubung kait dengan bidang tersebut. Oleh itu kajian ini amat sesuai dijalankan untuk melihat setakat manakah tahap kesedaran kerjaya pelajar India di dua buah sekolah

menengah di Pelabuhan Klang. Bagi tujuan kajian ini pengkaji telah memilih pelajar India sebagai sampel kajian memandangkan bilangan kajian yang sangat terhad menggunakan pelajar India.

Jika hasil kajian menunjukkan tahap kesedaran kerjaya yang rendah, maka usaha-usaha yang bersesuaian dapat dibuat supaya kesedaran kerjaya pelajar-pelajar tersebut dapat dipertingkatkan. Pengkaji juga berpendapat hasil kajian ini dapat membantu pengkaji pada masa akan datang yang berminat membuat kajian yang sedemikian.

1.2 Teori-teori Berkaitan Kerjaya

Apabila kita membincangkan perihal mengenai kerjaya, kita tidak terlepas daripada mengemukakan tentang teori-teori kerjaya. Antara tokoh-tokoh yang memperkembangkan dan mengemaskinikan teori-teori perkembangan kerjaya termasuklah Donald Super, T.J. Holland, Ginzberg dan rakan-rakan.

Menurut Ginzberg (1984), proses pemilihan kerjaya berlaku pada diri seseorang individu pada tiga tahap peringkat. Pada peringkat pertama yang dinamakan tahap fantasi atau khayalan, kanak-kanak berumur kurang daripada 11 tahun. Pada tahap fantasi ini kanak-kanak memikirkan tentang pekerjaan tanpa mengambil kira bakat, minat dan kebolehan yang ada pada diri meraka. Pada peringkat ini kanak-kanak berpendapat bahawa mereka boleh berbuat apa sahaja pekerjaan yang dipilihnya tanpa memikirkan keadaan sebenarnya.

Pada peringkat kedua iaitu ketika berumur 11 hingga 17 tahun individu tersebut membuat pemilihan kerjaya secara tentatif. Pada peringkat ini minat, kebolehan dan bakat boleh digunakan untuk membuat pilihan kerjaya. Walaupun begitu, disebabkan individu tersebut kurang pengetahuan dan pengalaman tentang sesuatu kerjaya maka pemilihan kerjaya yang dibuat itu belum realistik lagi.

Peringkat umur 17 hingga 25 merupakan jangka masa seseorang individu itu membuat pemilihan kerjaya yang lebih realistik. Peringkat realistik merupakan peringkat di mana individu tersebut mula membuat pengkhususan dalam pemilihan kerjaya kerana pada peringkat inilah seseorang itu akan menukar atau mengubah pilihan kerjaya yang kurang tepat kepada yang lebih realistik. Dengan ini Ginzberg berpendapat bahawa pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang bermula sejak zaman remaja hingga awal dua puluhan apabila individu tersebut sedar, ingin melibatkan diri serta mula komited ke arah membuat pemilihan kerjaya. Teori ini juga berasaskan bahawa pemilihan kerjaya mesti disesuaikan dengan bakat, minat, kebolehan, keupayaan mental serta pengetahuan mengenai dunia pekerjaan yang diceburi oleh seseorang individu. Kesedaran mengenai kerjaya akan meningkat dengan meningkatnya usia seseorang individu. Pernyataan ini disokong oleh Muhd. Mansur & Siti Nordinar seperti yang berikut:

"..konsep perkembangan vokasional merupakan satu proses di mana kesedaran bertambah apabila seseorang itu mulai meningkat usianya, dan timbul pula kesan-kesan nilai dan faktor-faktor personaliti untuk memilih satu peranan kerja yang disukai..."

(Muhd. Mansur & Siti Nordinar, 1983, ms. 78)

Super (1957) melalui teorinya menyatakan bahawa konsep kendiri vokasional berkembang berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh kanak-kanak dan diidentifikasi dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh orang dewasa. Beliau seterusnya menyatakan bahawa seseorang itu memilih pekerjaan yang dianggap selari dengan konsep kendirinya. Untuk membuat pilihan, seseorang itu mesti membezakan berbagai-bagai pekerjaan yang terdapat dalam pasaran tenaga kerja. Jelas Super lagi, pemilihan kerjaya seseorang itu ditentukan oleh taraf sosio-ekonomi ibu bapa, keupayaan mental dan ciri personaliti dan juga peluang-peluang yang terbuka baginya. Faktor kecerdasan merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang. Menurut Super, kecerdasan adalah berkaitan dengan pencapaian akademik dan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi peluang-peluang dan jenis kerjaya yang dipilih oleh seseorang individu.

Teori pemilihan kerjaya Holland (1973) pula menyatakan bahawa manusia mencari kemahiran dan kecekapan, menampilkan sikap dan nilainya serta sanggup menghadapi sebarang masalah serta berupaya memikul tanggungjawab dalam usaha memperoleh kerjaya. Holland telah mengemukakan satu model Teori Heksogen yang mewujudkan enam jenis personaliti kongruen dengan enam jenis persekitaran. Enam jenis personaliti yang dikemukakan ialah Realistik, Intelektual, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional. Enam jenis personaliti yang dikemukakan oleh Holland ini adalah sama dengan nama enam jenis persekitaran pekerjaan yang dinamakan oleh beliau.

Mengikut Holland, jenis pekerjaan yang dipilih oleh seseorang individu itu adalah bergantung kepada jenis persekitaran kerjaya yang dipilihnya. Selain daripada itu, Holland juga menyatakan bahawa terdapat faktor-faktor lain yang turut memainkan peranan dalam pemilihan kerjaya seseorang individu. Faktor-faktor seperti pengaruh ibu bapa, pengetahuan kendiri, konsep nilai diri, rakan sebaya merupakan antara faktor-faktor yang turut mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang.

Perbincangan teori-teori berkenaan kerjaya memberi gambaran di mana pemilihan kerjaya seseorang individu sangat bergantung kepada diri individu itu sendiri. Selain daripada faktor diri individu itu sendiri, terdapat juga faktor-faktor luaran seperti pengaruh kawan atau rakan sebaya, pengaruh ibu bapa serta pengetahuan dan kesedaran kerjaya individu tersebut juga turut mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang.

Mengikut teori-teori yang dibincangkan didapati peringkat umur pelajar tingkatan 3 dan 4 adalah dalam lingkungan umur 15 hingga 16 tahun. Pada peringkat umur ini pelajar-pelajar akan mempunyai kesedaran kerjaya yang bercorak tentatif, di mana pelajar-pelajar kurang mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengenai dunia pekerjaan. Oleh yang demikian, pemilihan kerjaya pelajar-pelajar pada peringkat ini belum realistik. Pelajar-pelajar pada peringkat ini harus diberi bimbingan kesedaran kerjaya supaya mereka dapat membuat pemilihan kerjaya yang lebih realistik apabila mereka mencapai umur lebih daripada 17 tahun.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar India di dua buah sekolah menengah di Pelabuhan Klang. Sekolah-sekolah yang dikaji ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Raja Zarina. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk:

- i. Meninjau perbezaan kadar kesedaran kerjaya antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan India.
- ii. Meninjau perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India antara pelajar tingkatan 2 dan 3.
- iii. Meninjau perbezaan yang terdapat antara kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan pekerjaan bapa.
- iv. Meninjau kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan kesediaan pelajar memilih pekerjaan.
- v. Meninjau sejauh mana kesedaran kerjaya pelajar India diantara yang membuat pemilihan pekerjaan realistik dan tidak realistik.
- vi. Meninjau tahap kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan.

1.4 Soalan Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian yang telah disenaraikan seperti di atas, jawapan bagi soalan-soalan berikut ditinjau:

- i. Apakah tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar India?
- ii. Adakah terdapat perbezaan kesedaran kerjaya di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan India?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap kesedaran kerjaya antara pelajar India dari berbagai tahap pengajian?
- iv. Adakah terdapat perbezaan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan jenis pekerjaan bapa?
- v. Adakah terdapat perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan kesediaan memilih pekerjaan?
- vi. Adakah terdapat perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India di antara yang membuat pemilihan pekerjaan realistik dan tidak realistik?
- vii. Adakah terdapat perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan tertentu?

1.5 Definisi Istilah

Kesedaran kerjaya ataupun " Career awareness " merupakan konsep yang akan dikaji dalam kajian ini. Kesedaran kerjaya merupakan dua perkataan yang digabungkan. Pertamanya ialah kesedaran (awareness) dan perkataan kedua ialah kerjaya (career / vocational). Berikut merupakan definisi yang diberikan oleh beberapa tokoh pendidikan:

"... the state of being aware; consciousness of a situation or object, without direct attention to it or definite knowledge of its nature..."
(Good, C.V. 1959, ms 52)

"... Conscious; not ignorant; having knowledge.
(H.W. Fowler & F.G. Fowler, 1990. ms 75).

Daripada definisi-definisi yang diberikan oleh tokoh-tokoh pendidikan di atas, kesedaran (awareness) dapat disimpulkan sebagai pengetahuan atau kesedaran dan persepsi mengenai sesuatu isu atau perkara oleh seseorang individu.

Manakala kerjaya (career) didefinisikan sebagai yang berikut :
"... Penglibatan yang berterusan serta perkembangan dan kemajuan seseorang dalam sesuatu profesi..."
(Hasan Hamzah. 1996, ms 616)

"...The sequence of occupation, jobs and positions held during the course of a person's lifetime.

(Shertzer, 1977, ms 179)

"... The progress or general course of action of a person through some phase of life, as in some profession or undertaking, the occupation or profession, especially one requiring special training, followed as one's lifework..."

(Good, C.V. 1973. ms 79)

Daripada definisi-definisi di atas kerjaya dapat dirumuskan sebagai penglibatan yang berterusan seseorang individu dalam pekerjaan sepanjang hayatnya (progress through life).

Ginzberg (1984) menyatakan pemilihan kerjaya sebagai;

"Occupational choice is a lifelong process of decision making for those who seek major satisfaction from their work. This leads them to reassess repeatedly how they can improve the fit between their changing career goals and the realities of the world of work. (ms 180).

Muhd. Mansur & Siti Nordinar (1989) mendefinisikan kesedaran kerjaya sebagai yang berikut;

' kefahaman mengenai bermacam-macam sifat pekerjaan dan kaitannya dengan kehidupan manusia sendiri mengikut peringkatnya. Dunia pekerjaan sesungguhnya adalah berhubung kait dengan kerjaya dan cara hidup manusia itu sendiri. Oleh itu hendaklah difahami bahawa bekerja adalah cara hidup setiap manusia ' . (ms 32)

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa kesedaran kerjaya tidak hanya mengenai pengetahuan seseorang individu tentang dirinya dan dunia pekerjaan, malah ia merupakan satu pengalaman untuk menerokai dan membuat perancangan kerjaya yang berterusan sepanjang hayat.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar India tingkatan 3 dan 4. Hasil kajian ini amat berguna kepada guru bimbingan kerjaya untuk membimbing kesedaran kerjaya di kalangan pelajar-pelajar. Guru bimbingan kerjaya dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai panduan dalam usaha mengubahsuaikan gerakerja dan isi kandungan pelajaran supaya dapat membantu melicinkan perancangan kerjaya pelajar agar mereka menceburui kerjaya yang sesuai dengan bakat kebolehan dan minat.

Kajian ini dapat memberikan maklumat tentang kesedaran kerjaya pelajar-pelajar sekolah menengah. Maklumat kesedaran kerjaya boleh digunakan sebagai panduan oleh pihak berkenaan seperti pengubal kurikulum dan penulis buku teks, di mana unsur - unsur kesedaran kerjaya dapat diperbanyakkan dalam kurikulum sekolah menengah supaya kesedaran kerjaya pelajar dapat dipertingkatkan.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam aspek pemilihan kerjaya anak-anak mereka. Hasil kajian ini dapat memberikan maklumbalas kepada ibu bapa

mengenai tahap kesedaran kerjaya yang ada pada anak-anak mereka. Hasil kajian ini diharap dapat digunakan sebagai bahan rujukan oleh ibu bapa untuk membantu anak-anak mereka dalam proses pemilihan kerjaya yang sesuai.

1.7 Definisi Operasi

Berikut ditakrifkan beberapa istilah penting yang digunakan di dalam kajian ini.

Kesedaran Kerjaya

Kesedaran kerjaya yang dimaksudkan disini ialah pengetahuan pelajar-pelajar mengenai dunia pekerjaan seperti yang akan diuji dalam Inventori kesedaran Kerjaya (Lampiran II). Inventori Kesedaran Kerjaya ini akan mengukur sejauh mana tahap kesedaran pelajar-pelajar mengenai dunia pekerjaan, keupayaan membezakan pekerjaan yang tergolong dalam kategori pekerjaan jenis perkhidmatan dan yang mengeluarkan hasil, keupayaan mengenali pekerjaan yang bertaraf tinggi serta keupayaan mengenali pekerjaan yang tergolong dalam kelompok sesuatu bidang pekerjaan dan keupayaan mengenalpasti tugas atau tanggungjawab pekerja - pekerja tertentu (Maznah 1992).

Pelajar India

Pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar kaum India tingkatan 3 dan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Zarina di Pelabuhan Klang.

Tahap Pemilihan Kerjaya

Kesediaan memilih pekerjaan yang dimaksudkan ialah pemilihan pekerjaan pelajar untuk diceburi pada masa akan datang. Untuk kajian ini dinyatakan tiga tahap pemilihan kerjaya iaitu:

- i. Tahap bersedia memilih kerjaya
- ii. Tahap belum pasti memilih kerjaya
- iii. Tahap belum bersedia memilih kerjaya

Tahap Kesedaran Kerjaya

Tahap kesedaran kerjaya ditentukan melalui skor yang diperolehi dalam ujian Inventori Kesedaran Kerjaya. Skor maksimum Inventori Kesedaran Kerjaya ialah 125. Skor yang diperolehi oleh pelajar dalam ujian Inventori Kesedaran Kerjaya di bahagikan kepada tiga tahap kesedaran kerjaya seperti dalam Jadual 1.

Jadual I : Skor Yang Digunakan Untuk Menentukan Tahap Kesedaran Kerjaya

Tahap	Skor
1. Rendah	00 - 79
2. Sederhana	80 - 89
3. Tinggi	90 - 125

Kategori Pekerjaan Realistik Dan Tidak Realistik

Jenis pekerjaan realistik dan tidak realistik adalah ditentukan berpandukan kepada sebab pelajar memilih pekerjaan yang dinyatakan dalam soalan 3 soal selidik pelajar. Sebab pemilihan pelajar akan dikategorikan berdasarkan empat faktor berikut:

- i. Minat
- ii. Minat dan kebolehan
- iii. Minat, kebolehan dan bakat
- iv. Minat, kebolehan, bakat dan peluang kerja.

Sekiranya pekerjaan yang dipilih berdasarkan faktor minat pelajar atau faktor minat dan kebolehan pelajar, pekerjaan tersebut dikategorikan sebagai tidak realistik. Manakala jika sebab yang diberikan adalah berdasarkan faktor minat, kebolehan dan bakat atau faktor minat, kebolehan, bakat dan peluang pekerjaan maka pekerjaan tersebut akan dikategorikan sebagai pekerjaan realistik.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Batasan kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Kajian ini melibatkan hanya dua buah sekolah menengah di Pelabuhan Klang.
- ii. Hanya pelajar India tingkatan 3 dan 4 sahaja terlibat dalam kajian ini.
- iii. Seramai 40 orang pelajar diambil sebagai sampel kajian dari setiap tingkatan 3 dan 4 dari dua sekolah yang dipilih untuk kajian. Ini kerana masalah masa, masalah pentadbiran soal selidik dan masalah pengawalan.